

07/10/2003

Mutu kerja mesti dipertingkat

Ridzuan Yop

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu tahap kemahiran tenaga kerja tempatan sentiasa ditingkatkan dan setanding negara maju dari segi kualiti dan produk yang dihasilkan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, bagi memenuhi tujuan itu, kajian yang dijalankan perlu memastikan latihan dan pendidikan sesuai dengan kehendak semasa dan keperluan negara serta industri.

Beliau berkata, semua pihak perlu akur dalam keadaan dunia yang pesat membangun, perkara yang relevan dan memenuhi kehendak industri semalam tidak semestinya relevan dan memenuhi keperluan hari ini.

Katanya, dalam persaingan yang mencabar, budaya yang patut diterapkan, iaitu tidak menerima mutu kerja atau perkhidmatan yang rendah mutunya dari piawaian yang ditetapkan.

"Saya yakin dengan komitmen jitu, harapan kita untuk melihat lebih ramai tenaga kerja mahir tempatan bertaraf dunia dilahirkan di negara ini dalam masa terdekat," katanya ketika berucap pada Malam Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri, Pertandingan Kemahiran Malaysia 2003 ke-13 di Hotel Renaissance, di sini malam tadi.

Turut hadir Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu; timbalannya, Datuk Mohamad Khaled Nordin; Setiausaha Parlimen kementerian, Datuk Yong Khoo Seng dan Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Izzuddin Dali.

Anugerah Tangan Emas tahun ini dimenangi Pusat Giat Mara (PGM) bagi kategori Agensi/Institusi Terbaik; Haizulizaan Mat Yunan (Artis); Cassian Tan (Chef Pastry) dan Ng Say Siong (Chef).

Abdullah berkata, pertandingan kemahiran itu yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan terus disokong kerajaan dalam melahirkan lebih ramai tenaga mahir tempatan.

Beliau berkata, usaha mengadakan pertandingan seumpamanya bukan saja bagi memastikan negara mampu melahirkan lebih ramai pekerja mahir bagi memenuhi keperluan industri tetapi juga dapat mengurangkan pergantungan negara kepada pekerja asing.

Bagaimanapun, katanya, kemahiran saja tidak cukup jika tidak disertai sikap positif, komitmen jitu serta penerapan nilai murni.

Pertandingan tahun ini meliputi 26 bidang kemahiran membabitkan lapan sektor industri utama di negara ini.

Sektor industri itu termasuk teknologi maklumat dan komunikasi, pembuatan, automobil, pembuatan berat, elektrik dan elektronik, pembinaan, hospitaliti dan kosmetologi.

Pemenang pertama menerima hadiah wang tunai RM5,000 dan tempat kedua ialah RM2,500 manakala tempat ketiga RM1,500.

Pertandingan kali ini mendapat kerjasama sepenuhnya daripada syarikat penganjur pertandingan seperti Petronas, TNB, Proton, CIDB, Universiti Multimedia, Persatuan Hotel-Hotel Malaysia (MAH) dan Persatuan Kosmetologi, Malaysia.